

Fokus

Perpustakaan : Dahulu dan Sekarang

Oleh : Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin / Ketua Pustakawan

Saya memulakan karier saya pada tahun 1974. Dunia Perpustakaan yang saya ceburi pada masa itu sungguh berbeza sekali. Jika dibandingkan hari ini, boleh dikatakan semua kerja pada masa itu dijalankan secara manual. Pustakawan hari ini sungguh bertuan kerana dengan adanya kemajuan teknologi maklumat tugas mereka dapat dijalankan dengan mudah dan menjimatkan masa. Kini, setiap Pustakawan dibekalkan dengan sebuah komputer bagi memudahkan mereka bekerja secara "online". Alat canggih yang ada semasa saya bertugas pada tahun 70an hanyalah mesin taip elektronik, mesin fotokopi bersaiz besar dengan fungsinya yang tidak seberapa dan mesin cetak "Gestatner". Pada masa ini Pustakawan mempunyai pilihan menaip sendiri surat rasmi dan penghantaran surat juga boleh dibuat melalui beberapa pilihan. Mereka boleh menggunakan perkhidmatan pos atau menghantarkannya melalui mesin faksimili.

Sejak bertugas, saya telah berpeluang menyaksikan dan terlibat dalam tiga fasa pembaharuan format katalog Perpustakaan iaitu format kad, mikrofis dan atas talian. Semua pembaharuan ini bertujuan meningkatkan perkhidmatan berfokuskan mesra pelanggan. Saya masih ingat betapa remehnya menyediakan katalog kad ini. Kad berukuran 3" x 5" disusun mengikut abjad di dalam kabinet berlaci. Proses mewujudkan rekod bibliografik, mencetak dan menyusun kad mengambil masa yang agak lama. Kini dengan menggunakan *cataloging module* iaitu salah satu modul dalam sistem bersepadan Perpustakaan, proses-proses kerja ini dilaksanakan secara atas talian dengan mudah sekali dan berupaya mencapai kesalahan sifar.

Capaian kepada katalog atas talian ini boleh dibuat bila-bila masa dan di mana-mana melalui "PC" yang mempunyai pautan Internet. Terdapat banyak ciri-ciri yang tidak terdapat pada kad katalog disediakan dalam katalog secara talian. Antara ciri-cirinya ialah menyemak denda, merizab buku, memperbaharui pinjaman dan menyemak bilangan buku yang sudah dipinjam.

Pustakawan sekarang tidak kekok berurus dengan bahan-bahan berbentuk elektronik terutama pangkalan data elektronik. Ini kerana mereka telah didedahkan mengenai perkara ini sejak di Universiti lagi. Pendedahan saya dalam hal ini di akhir 90an hanyalah dengan melalui kursus-kursus dihadiri yang dianjurkan oleh pembekal-pembekal pangkalan data elektronik. Sebagai graduan zaman sebelum "IT" yang belum berkembang pesat, pengalaman baru ini sungguh mengagumkan.

Saya berpendapat Perpustakaan tidak dapat lari dari melabur sebahagian dari peruntukan tahunannya bagi memperoleh bahan-bahan elektronik ini. Sejarah membuktikannya bahawa format maklumat bertukar mengikut peredaran zaman. Pada zaman purba, kita dapat maklumat dilakar di dinding-dinding gua. Kemudiannya maklumat dicatat di atas kepingan-kepingan tanah liat dan juga kulit binatang yang dikeringkan. Dengan terciptanya mesin cetak, maka lahirlah bahan bacaan bercetak. Jadi tidak hairanlah maklumat di era digital ini berbentuk elektronik. Sekiranya kita tidak beralih arah, sudah tentulah kita akan ketinggalan zaman. Mahu tidak mahu kita perlu berusaha memperoleh bahan-bahan yang relevan dengan kursus-kursus yang ditawarkan dalam format ini. Sebagai sebuah Universiti yang bersifat

bertaburan, melebarkan koleksinya dalam bentuk elektronik adalah langkah yang terbaik.

Ekoran dari maklumat dalam bentuk elektronik, maka lahirlah konsep-konsep seperti *digital library*, *virtual library*, *library without walls*, 24 x 7 dan lain-lain. Bagi UniMAP, konsep 24 x 7 ini telah pun direalisasikan pada tahun 2008 apabila perisian *EzProxy* dipasang. Akses secara jarak jauh ini membolehkan pengguna Perpustakaan melalui rangkaian Internet mencapai sumber elektronik pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja mereka berada. Untuk menggunakan kemudahan ini, pengguna hanya perlu memasukkan kata nama dan kata laluan mereka. Adalah menjadi azam Perpustakaan UniMAP untuk menjadi Perpustakaan digital kejuruteraan terunggul di rantau ini. Koleksi e-buku dan e-jurnalnya kini melebihi dari koleksi yang bercetak. Koleksi elektronik ini banyak membantu pensyarah-pensyarah dalam penyelidikan mereka.

Melalui *UniMAP Library Digital Repository*, Perpustakaan menyediakan aktiviti pemeliharaan, penyimpanan dan penyebaran maklumat tempatan dalam format elektronik. Jenis-jenis bahan yang terdapat melalui repositori ini ialah kertas-kertas kerja, laporan teknikal, teks ucapan, penulisan ilmiah, keratan akhbar dan juga koleksi imej yang terdiri dari gambar-gambar yang dirakamkan di majlis-majlis rasmi anjuran UniMAP. Aktiviti penyimpanan dan pemuliharaan begini juga dijalankan sejak dahulu lagi. Hanya bezanya ialah dahulu dokumen-dokumen dipelihara sama ada dalam bentuk fizikal asalnya, dimikrofilem atau dimekrofiskan. Untuk mengelakkan dokumen-dokumen bentuk asal ini menjadi rapuh, bahan kimia digunakan. Ruang yang luas perlu disediakan untuk menempatkan bahan-bahan ini. Kini server menjadi ruang penyimpanan bahan-bahan elektronik ini.

Saya perhatikan generasi muda kita kini gemar melayari Internet untuk mencari maklumat. Sayang sekali maklumat yang diperolehi itu belum pasti kesahihannya. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita Pustakawan untuk membetulkan keadaan. Sebagai contoh, kursus atau bengkel literasi maklumat yang dianjurkan perlu dimantapkan agar lebih ramai yang berminat menghadirinya. Kita perlu berminda kreatif dan fleksibel untuk menarik mereka datang ke Perpustakaan. Di sini saya ingin sarankan supaya sebahagian dari ungkapan Alvin Tofler dijadikan azimat untuk bekerja keras menuju kecemerlangan iaitu "*Learn, unlearn and relearn*". Dengan lain perkataan, Pustakawan perlu sentiasa belajar mengejar ilmu, mengenepikan ilmu-ilmu lapuk dan bersedia meningkatkan proses-proses kerja demi membudayakan ilmu di kalangan pengguna-pengguna kita.

Prasarana yang canggih belum tentu menambat hati pengguna Perpustakaan tetapi layanan mesra kakitangan Perpustakaan yang ditunjukkan akan pasti membuat pengguna-pengguna Perpustakaan sentiasa ingin berkunjung ke sini. Selain itu, lengkapkan ilmu di dada kerana itu adalah salah satu ciri Pustakawan berwibawa. Ciri-ciri lain termasuklah cintakan ilmu dan berkongsilah ilmu itu dengan orang lain, bersungguh-sungguh dalam bekerja dan kendalikanlah pelanggan, peka serta tidak takut pada perubahan dan tidak cepat mengalah apabila berdepan dengan masalah.